

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 14 JANUARI 2017 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Palancaran BCF pamer komitmen kerajaan bangun sektor berasaskan bio	BERNAMA
2.	MOSTI approves 15 new safety standards for electric wires, cables	BERNAMA
3.	Ligno Biotech tembusi pasaran antarabangsa	Utusan Malaysia



Pelancaran BCF Pamer Komitmen Kerajaan Bangun Sektor Berasaskan Bio



KUALA LUMPUR, 14 Jan (Bernama) -- Pelancaran Dana Pengkormersilan Bioteknologi (BCF) bernilai RM100 juta oleh **Perbadanan Pembangunan Bioekonomi Malaysia (Bioeconomy Corp)** hari ini merupakan bukti komitmen dan tumpuan berterusan kerajaan untuk membangunkan sektor berasaskan bio.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau, berkata dana tersebut, selain mengukuhkan prasarana kewangan dan pembiayaan bagi

memperkasakan lebih banyak syarikat berasaskan bio, akan membantu mereka mengembangkan perniagaan mereka.

Dana tersebut dicadangkan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11). ia menyediakan pinjaman mudah bagi menampung keperluan pembiayaan perusahaan kecil dan sederhana dan syarikat matang dalam industri berasaskan bio.

Beliau berkata dana itu akan menawarkan kadar faedah rendah dan melanjutkan tempoh lanjutan bagi pembayaran semula untuk memudahkan pembayaran balik hutang oleh pemohon.

"Kerajaan telah mengambil kira yang syarikat berasaskan bio memerlukan tempoh matang lebih lama dalam perniagaannya.

"Justeru, BCF akan menawarkan kadar menarik sehingga lima peratus faedah, dan sehingga 18 bulan tempoh lanjutan bagi pembayaran balik untuk meringankan bebanan," katanya.

Madius Tangau berkata demikian pada pelancaran dana tersebut di sini, hari ini.

Bioeconomy Corp, adalah unit di bawah kementerian tersebut yang sebelum ini dikenali sebagai BiotechCorp.

Madius Tangau berkata 30 hingga 50 syarikat dijangka menerima bantuan pinjaman mudah pada akhir 2020.

Beliau berkata keutamaan akan diberikan kepada syarikat berstatus BioNexus serta syarikat berasaskan bio lain yang terlibat dalam Program Transformasi Bioekonomi dan Program Pembangunan Komuniti Bioekonomi.

Kemudiannya, pada sidang akhbar, Madius Tangau berkata di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, dana bagi industri bioteknologi adalah 100 peratus geran, manakala di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, ia adalah gabungan geran dan pinjaman mudah.

"Tawaran sekarang di bawah RMK11, meskipun 100 peratus pinjaman mudah, masih boleh dianggap sebagai menarik kerana ia ditawarkan pada lima peratus dan pada tempoh pembayaran semula sehingga 18 bulan," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Bioeconomy Corp, Tan Sri Zakri Abdul Hamid, berkata pinjaman BCF ditawarkan menerusi dua skim untuk menampung pelbagai keperluan syarikat berasaskan bio.

"Skim Sokongan Perniagaan adalah bagi modal kerja sehingga RM600,000 bagi setiap permohonan, manakala Skim Pembangunan Bioekonomi adalah bagi pertumbuhan dan pengembangan sehingga RM3 juta bagi setiap permohonan.

"Skim-skim ini boleh menyumbang kepada kemapanan jangka panjang perniagaan yang dimiliki oleh syarikat berasaskan bio, yang merupakan kunci bagi membangunkan bioekonomi yang berjaya dan kompetitif dalam negara," katanya.

BCF diuruskan oleh rakan kongsi strategik Bioeconomy Corp, Malaysian Industrial Development Finance Bhd.

-- BERNAMA



MOSTI Approves 15 New Safety Standards For Electric Wires, Cables

KUALA LUMPUR, (Bernama) -- The **Ministry of Science, Technology and Innovation (Mosti)** has approved 15 new Malaysian standards (MS) for electric wires and cables to reduce the risk of injuries and accidents among consumers and the industry.

Its minister Datuk Seri Madius Tangau, in a statement, today said the standard also covered the specification of electric wires and cables to ensure they were safe for use.

"It also includes the testing method which is expected to be used for laboratory testing of household appliances for product certification," he said.

He said the ministry had also approved 10 new MS, including two related to children's playground surface, nine amendments to existing standards while 34 standards were being reviewed.

A total of 5,332 MS, covering various industry sectors, have been developed under Mosti through the Department of Standard Malaysia.

-- BERNAMA

LIGNO BIOTECH TEMBUSI PASARAN ANTARABANGSA

Oleh ZAKKINA WATI
AHMAD TARMIZI
perangang@utusan.com.my

KELEBIHAN khasiat cendawan susu harimau mendorong sebahagian daripada kita yang menghidap beberapa penyakit seperti asma, batuk, selesema, demam dan lemah badan mula mencari tanaman ini.

Lebih dikenali sebagai kulat susu harimau sejak 400 tahun lalu, cendawan ini banyak ditemukan di hutan Malaysia terutama sekitar Banjaran Titiwangsa.

Tumbuhan yang nama saintifiknya, *Lignosus Rhinoceros* dan turut dikenali *Polyporus Rhinoceros* ini adalah daripada keluarga *Polyporaceae*. Tumbuhan ini boleh dikategorikan herba bernilai tinggi kerana memiliki khasiat yang sangat bermanfaat untuk semua.

Ketua Pegawai Eksekutif LIGNO Biotech Sdn. Bhd., Ng Szu Ting berkata, kesukaran mendapatkan tumbuhan itu mendorong pihaknya menanam cendawan susu harimau menggunakan teknologi sistem tanaman dalam bilik yang dikawal sejak 2002.



NG SZU TING menunjukkan bilik khas yang memproses cendawan susu harimau di pejabat Ligno Biotech, Balakong, Selangor, baru-baru ini. -S2/AMIR KHALID

"Tanaman ini hidup dengan baik pada medium penanaman yang dirumus khas sehingga dapat membentuk *sclerotia* yang setaraf dengan kualiti cendawan susu

harimau liar," katanya kepada S2. Menurutnya, melalui teknologi yang digunakan, pihaknya dapat mengawal pertumbuhan payung cendawan susu harimau. Khasiat

tumbuhan itu terletak pada ubi, justeru tanaman tersebut dituai sebelum batang dan payung tumbuh mekar bagi memperolehi nilai tertinggi untuk tujuan perubatan.

"Teknologi ini mampu meningkatkan kapasiti pengeluaran sebanyak 500 kilogram sebulan dalam hanya satu bilik berkeluasan 243 meter persegi. Bilik ini turut memuatkan 1,000 kotak

mengandungi 50 gram cendawan," katanya.

Sebanyak tiga produk menggunakan cendawan susu

harimau dihasilkan iaitu Tiggy Cocoa (kanak-kanak), Tigerus Sclerotia (sesuai untuk batuk bagi orang dewasa) dan Tea Bags (dewasa) yang sesuai digunakan pesakit batuk, selesema, demam dan lemah badan.

"Cendawan susu harimau mempunyai tiga bahagian utama iaitu payung (*cap*), batang (*stem*) dan ubi (*sclerotium*). Bahagian yang digunakan adalah ubi kerana segala nutrisi tersimpan di situ.

"Jadi, menerusi produk jenama Tigerus, kami merupakan satu-satunya pemegang rekod pertama dalam The Malaysia Book of Records sebagai pengeluar produk cendawan susu harimau di negara ini," katanya.

Jelasnya, serbuk cendawan susu harimau dan produk yang dihasilkan berjaya dieksport ke Singapura, Asia Barat, China, Jepun dan Amerika Syarikat selain mendapat pengiktirafan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

"Hasil kajian saintifik dari beberapa universiti seperti Universiti Nottingham, Universiti Malaya (UM), Universiti Macau dan Universiti Sains Malaysia (USM) menunjukkan cendawan susu harimau selamat dimakan tanpa kesan sampingan dan sesuai dijadikan sebagai makanan tambahan berkhasiat untuk menguatkan sistem imunisasi badan.

"Hasil kajian menunjukkan cendawan istimewa ini juga mengandungi ciri-ciri antiradang, antioksidan, antialahan dan antiasma serta mampu melegakan masalah ekzema, sakit sendi, selain mengurangkan kesan sampingan rawatan kemoterapi pesakit kanser," katanya.

Szu Ting memberitahu, beliau menggunakan laman sosial

Info PRODUK LIGNO BIOTECH

HARGA

1. Tiggy Cocoa (kanak-kanak) (RM38 - 60 kapsul)
2. Tigerus Sclerotia (RM98 - 30 kapsul) (RM148 - 60 kapsul)
3. Tea bags (RM48 - 15 uncang)

MANFAAT

- Membantu melegakan masalah resdung, asma dan batuk yang teruk.
- Menyokong dan menguatkan sistem pernafasan serta paru-paru.
- Menguatkan sistem imunisasi badan (amat sesuai bagi mereka yang kerap diserang demam dan selesema).
- Memulih dan memberikan tenaga yang berpanjangan.
- Membantu warga tua yang mengalami masalah sakit sendi.
- Membantu meningkatkan kualiti kesihatan pesakit kanser.

Facebook: Tigerus dan laman web, ligno.com.my untuk menjual produk tersebut secara dalam talian.

"Kita mempromosikan produk yang mula mendapat sambutan ini menggunakan media sosial bagi membolehkan pengguna mengetahui lebih lanjut mengenai produk tersebut.

"Malah, 75 peratus daripada pengguna yang mengambil produk ini secara berterusan dapat melegakan penyakit yang mereka hadapi," katanya. Sehingga kini, sebanyak 60,000 botol produk telah dijual secara dalam talian.



TIGA produk Ligno Biotech yang mendapat sambutan daripada pengguna dalam talian.